

**NO SOALAN :34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
(GERIK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.03.2018**

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah usaha pihak Kementerian melalui agensi di bawahnya dalam membanteras syarikat agen kastam yang melakukan kesalahan penyeludupan serta pemalsuan dokumen kastam bagi meraih keuntungan yang lebih berlipat kali ganda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat mana-mana syarikat ejen kastam yang didapati terlibat dengan kegiatan penipuan/fraud, penyelewengan dan penyeludupan, mereka boleh dikenakan tindakan seperti penggantungan sementara lesen atau

pembatalan terus lesen ejen kastam, penyenaraian hitam syarikat dan tindakan pendakwaan di mahkamah.

Sebagai usaha berterusan membendung aktiviti ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga telah mewujudkan *taskforce* bagi menjalankan siasatan terhadap ejen kastam yang disyaki terlibat dan mengenakan tindakan tegas sekiranya disabit kesalahan.

Kerjasama daripada pihak pengimport dan pengeksport untuk tampil memberikan maklumat juga amat diharapkan bagi memantapkan lagi usaha membanteras kegiatan salah laku oleh ejen kastam.